

UMS Cemerlang Dalam MIFT 11th National Food Science and Technology Competition

Terakhir dikemaskini: Khamis, 11 April 2019 11:29 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 343

[Kongsi 109](#)
[Syorkan 109](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


RABU, 10 APRIL - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) cemerlang dalam pertandingan MIFT 11th National Food Science and Technology Competition apabila muncul sebagai juara kategori Food Bowl Quiz yang berlangsung di Universiti

Tuanku Abdul Rahman (UTAR), Kampar, Perak baru-baru ini.

Pasukan A UMS yang diwakili oleh Wong Jia En, Wong Zheng Mun, Loi Sin Harn dan Tan Yaw Pang menewaskan 25 pasukan lain pada pertandingan tersebut, yang turut disertai 16 universiti di Malaysia antaranya Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Teknologi MARA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Monash University, University College of Technology Sarawak, UCSI University, Taylor's University, Universiti Tunku Abdul Rahman, Universiti Kuala Lumpur, Tunku Abdul Rahman University College, Management and Science University, dan Universiti Tun Hussein Onn.

Kejayaan tersebut sekali gus melayakkan mereka untuk mewakili Malaysia ke pertandingan Food Bowl Quiz peringkat ASEAN yang akan diadakan pada 15-18 Oktober 2019 di Bali, Indonesia bersempena dengan 16th ASEAN Food Conference 2019.

Pertandingan MIFT 11th National Food Science and Technology Competition merupakan acara yang dianjurkan setiap dua tahun oleh Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) dengan kerjasama universiti awam dan swasta yang menawarkan program Sains dan Teknologi Makanan.

Pada pertandingan tersebut, peserta UMS turut diiringi oleh delegasi UMS yang diketuai Dekan FSMP, Prof. Ts. Dr. Sharifudin Md. Shaarani dan disertai beberapa kakitangan akademik yang lain termasuk Timbalan Dekan

(Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) FSMP, Prof Madya Dr. Hasmadi Mamat dan pensyarah kanan FSMP, Prof. Dr. Chye Fook Yee.